

## **BAB 1 : PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL & TEKNOLOGI**

### **2.0 DEFINISI PENGURUSAN SUMBER FIZIKAL & TEKNOLOGI**

Membolehkan meningkatkan lagi kecekapan sesebuah pengurusan.

#### **2.1 2 TUJUAN MENGURUS SUMBER FIZIKAL**

1. Memastikan semua jenis sumber fizikal dalam keadaan selamat & berfungsi
2. Memudahkan urusan penghasilan produk/perkhidmatan
3. Contoh :  
Bahan mentah, produk siap, kilang mesin, bangunan/kemudahan, peralatan teknologi & telekomunikasi dan stok/inventori

#### **6 JENIS SUMBER FIZIKAL**

1. Bangunan & kemudahan
2. Kilang & mesin
3. Peralatan teknologi maklumat & komunikasi
4. Bahan mentah
5. Stok
6. Produk siap

#### **2.2 2 PROSEDUR MENGURUS SUMBER FIZIKAL**

1. Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang
2. Perlindungan insurans dan keselamatan

#### **2.3 TUJUAN MENGURUS SUMBER TEKNOLOGI**

1. Membantu perniagaan membuat keputusan dengan cepat

#### **3 JENIS SUMBER TEKNOLOGI**

##### **1. HARTA INTELEK**

- Hasil kreativiti atau ciptaan daya intelektual seseorang
- 4 tujuan harta intelek :
  1. Menjaga perniagaan daripada ancaman cetak rompak.
  2. Barang tiruan.
  3. Penyalahgunaan.
  4. Penggunaan tanpa kebenaran
- Contoh : Reka bentuk, lukisan, muzik dan video

## **2. LESEN PERISIAN**

- Perjanjian bertulis antara pemilik dengan pengguna perisian
- Penggunaan perisian tanpa lesen merupakan satu jenayah perdagangan
- Usahawan perlu mendapatkan perisian tulen dan mengelakkan diri daripada dikenakan saman serta melindungi nama baik perniagaan
- Contoh : Adobe Photoshop, Windows, Microsoft excel

## **3. KEMAHIRAN & PENGALAMAN**

- 5 kepentingan kemahiran dan pengalaman pekerja ialah :
  1. Kualiti dan prestasi perniagaan terjamin
  2. Dapat mengelakkan pembaziran tenaga kerja
  3. Mengelakkan berlaku sebarang kesilapan semasa menjalankan tugas
  4. Boleh meningkatkan produktiviti perniagaan
  5. Dibayar gaji yang tinggi
- Contoh : QC specialist, jurutera perisian khas, akauntan CAP

### **2.4 2 PROSEDUR MENGURUS SUMBER TEKNOLOGI**

#### **1. PATEN**

- Hak eksklusif untuk suatu reka cipta sama ada berupa produk @ proses penghasilan sesuatu yang baharu
- Belum dicipta oleh mana-mana syarikat
- Hak cipta berjaya dilindungi oleh undang-undang jika telah dipatenkan
- Daftar melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- Pendaftaran paten di Malaysia hanya layak dilindungi di Malaysia sahaja
- Contoh : Pelan Kereta

#### **2. HAK CIPTA TERPELIHARA**

- Hak eksklusif kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka untuk tempoh masa tertentu.
- Akta Hak Cipta 1987
- Idea yang telah direkodkan @ dijadikan bahan dizahirkan
- Melindungi hasil ciptaan supaya tidak disalah guna oleh pihak lain.
- Berdaftar di MyIPO
- Contoh : Sastera, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, siaran & karya terbitan